



KELIHATAN Puan Asiah menyerahkan borang Sejuta Tandatangan kepada Tan Sri Abu Hassan sambil diperhatikan oleh Muarifan (kanan), Ahmad (tengah) dan Prof. Dr. Sharift (kiri).

200 tandatangan diperolehi daripada Umno Taman Kopeks, Inanam

KOTA KINABALU: Sebanyak 200 tandatangan berjaya diperolehi daripada ahli-ahli Umno Cawangan Taman Kopeks, Inanam bagi menyatakan sokongan padu kepada kempen Keamanan Sejagat.

Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia yang dilancarkan oleh Aman Malaysia baru-baru ini untuk menyokong keamanan sejagat, menarik perhatian semua golongan masyarakat yang cintakan keamanan.

Borang sejuta tandatangan itu telah diserahkan oleh Ketua Wanita Umno Cawangan Taman Kopeks, Puan Asiah Hj Awang kepada Naib Cancellor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Tan Sri Datuk Panglima Dr. Abu Hassan Othman, baru-baru ini.

Turut hadir dalam majlis penyerahan yang diadakan di kampus Universiti itu, ialah Ketua Penerangan Umno Taman Kopeks, Ahmad Mohd Ali, Pengarah Pusat Ko-kurikulum dan Pemajuan Pelajar UMS Prof. Madya Dr. Sharift A.K Omang dan Presiden MPUMS Muarifan S. Mohutoeri. **-OLEH ALMAWATI RAKIM**